



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2009/2010

NAMA MATA PELAJARAN : SISTEM CASIS
KOD MATA PELAJARAN : DDE 2033
KURSUS : 2 DDT
TARIKH PEPERIKSAAN : APRIL / MEI 2010
JANGKA MASA : 3 JAM
ARAHAN : JAWAB EMPAT (4) SOALAN
SAHAJA DARIPADA ENAM (6)
SOALAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI LIMA (5) MUKA SURAT

- S1** (a) Nyatakan tiga (3) kegunaan utama tayar pada sesebuah kenderaan. (6 markah)
- (b) Pengkelasan tayar (*tire rating*) adalah sebahagian daripada maklumat yang dicetak di tepi sesebuah tayar. Nyatakan maksud bagi setiap huruf dan nombor bagi pengkelasan tayar berikut: **195/55R15 85V** (6 markah)
- (c) Kebanyakan tayar yang berada di pasaran sekarang boleh dikelaskan sebagai tayar keseluruhan musim (*all-season radial tires*). Terdapat juga tayar khas yang memenuhi kriteria tertentu sebagai pilihan kepada pengguna. Nyatakan dua (2) jenis tayar tersebut, terangkan perbezaannya dengan tayar biasa dan bagaimana ia berfungsi dalam keadaan yang khas tersebut. (8 markah)
- S2** (a) Labelkan kesemua komponen sistem stereng yang tertera pada **Rajah S2(b)** (4 markah)
- (b) Nyatakan empat (4) punca dan penyelesaian yang mungkin bagi setiap simptom dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1 : Punca dan penyelesaian masalah system stereng.

	Simtom	Punca	Penyelesaian
1.	Kenderaan menarik ke satu belah ketika memandu	a. _____ b. _____ c. _____ d. _____	a. _____ b. _____ c. _____ d. _____
2.	Rasa stereng yang longgar	a. _____ b. _____ c. _____ d. _____	a. _____ b. _____ c. _____ d. _____

(16 markah)

- S3** (a) Nyatakan tiga (3) sifat yang ada pada sebuah galas. (3 markah)
- (b) Nyatakan enam (6) prinsip utama yang terdapat dalam operasi galas. (12 markah)
- (c) Lakarkan rajah bola galas dan tandakan komponen yang utama. (5 markah)
- S4** (a) Nyatakan fungsi asas sesebuah sistem brek. (3 markah)
- (b) Brek jenis dram dan cakera selalunya digunakan pada kenderaan ringan. Lengkapkan **Jadual 2** berikut, bagi menerangkan perbezaan kedua-dua sistem tersebut.

Jadual 2: Perbezaan sistem brek drum dan cakera

	Brek dram	Brek Cakera
Lokasi		
Komponen		
Kecekapan		


- (6 markah)
- (c) Terangkan prosedur penyelenggaraan bagi sesebuah sistem brek cakera. (6 markah)
- (d) Terangkan maksud perkataan *ABS*, dan fungsi-fungsinya yang utama (5 markah)

- S5** (a) Terangkan bagaimana penyerap hentakan berfungsi. (6 markah)
- (b) Penyerap hentakan hidraulik bertindak di dalam dua kitaran. Terangkan kedua-dua kitaran tersebut. (8 markah)
- (c) Terdapat beberapa jenis penyerap hentakan. Nyatakan tiga (3) jenis penyerap hentakan. (6 markah)
- S6** (a) Nyatakan jenis-jenis sistem gantungan yang biasa digunakan oleh kenderaan ringan. (3 markah)
- (b) Bincangkan tiga (3) kebaikan dan kekurangan bagi system gantungan MacPherson. (12 markah)
- (c) Labelkan kesemua komponen sistem gantungan dalam **Rajah S6(c)** dibawah. (5 markah)


PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER / SESI : SEM II / 2009/2010
MATA PELAJARAN : SISTEM CASIS

KURSUS : 2 DDT
KOD MATA PELAJARAN: DDE 2033



RAJAH S2(b)



RAJAH S6(c)